

## 139 pegawai naik pangkat, 112 terima surat pemangku dan penempatan

Mac 1, 2022



**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)**

PUTRAJAYA: Seramai 139 pegawai dalam pengurusan tertinggi perkhidmatan awam diluluskan kenaikan pangkat, manakala 112 pegawai lagi diberikan pemangku, perubahan pemangku dan perubahan penempatan.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berkata, surat kenaikan pangkat, pemangku dan penempatan itu diserahkan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Datuk Seri Mohd Shafiq Abdullah pada Majlis Perjumpaan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Bersama-Sama Pegawai Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam di sini, hari ini.

Katanya, kenaikan pangkat dan pemangku adalah satu bentuk pengiktirafan serta penghargaan kerajaan atas khidmat bakti, prestasi dan komitmen pegawai dalam memacu kecemerlangan perkhidmatan awam, manakala penempatan semula pegawai pula untuk menyegarkan semula amanah dan tanggungjawab baruu.

"Mohd Shafiq menekankan supaya anggota perkhidmatan awam lebih peka dan dinamik dalam mendepani pelbagai cabaran sedia ada, termasuk keperluan penyampaian perkhidmatan awam didorong kreativiti dan inovasi.

"KPPA mengingatkan ketua jabatan dan pegawai kanan anggota perkhidmatan awam dapat memainkan peranan merekayasa formula baharu, merangka dasar yang berevolusi mengikut keperluan semasa dan menyokong dasar kerajaan bagi meningkatkan imej perkhidmatan awam dengan berpaksikan rakyat," katanya.

Pada majlis itu, Datuk Zainal Azman Abu Seman menerima surat lantikan sebagai Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) berkuat kuasa hari ini.

Antara penerima kenaikan pangkat ialah Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Dr Noor Zari Hamat; Ketua Pengarah Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Datuk Seri Dr Yusof Ismail; KSU Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk M Ravi serta Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Datuk Ahmad Suaidi Abdul Rahim.  
– BERNAMA